

**BAHAGIAN MEDIA DAN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA**

**MAKLUM BALAS ADUAN DAN PERTANYAAN BAGI TAHUN 2016**

<b>BIL</b>	<b>PENGGUNA</b>	<b>ADUAN/PERTANYAN/CADANGAN</b>	<b>MAKLUM BALAS/TINDAKAN</b>
1.	Tusar Sarker	I need to travel pass. I am student, my visa date already end, than I go Bangladesh. Please say to me how process the system.	<p>Salam #SehatiSejiwa,</p> <p>Mr. Tusar Sarker,</p> <p>Terima kasih di atas emel pertanyaan yang dihantar ke webmaster Jabatan Penerangan Malaysia pada 2 Februari 2016.</p> <p>Untuk makluman, urusan visa perjalanan/pelancongan bukan di bawah tanggungjawab Jabatan Penerangan Malaysia. Bagaimanapun pihak kami telah memanjangkan emel tuan kepada pihak Kedutaan Bangladesh untuk maklumat dan tindakan segera.</p> <p>Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, tuan boleh hubungi Kedutaan Bangladesh di Malaysia menggunakan maklumat perhubungan seperti berikut :</p> <p><b>Kedutaan Bangladesh di Malaysia</b> No. 114, Jalan U-Thant 55000 Kuala Lumpur, Malaysia Tel : 03-42522652 Fax : 03-42510078 Emel : <a href="mailto:bddoot@unifi.my">bddoot@unifi.my</a> <a href="mailto:mission.kualalumpur@mofa.gov.bd">mission.kualalumpur@mofa.gov.bd</a></p> <p>Tuan juga boleh melayari laman sesawang Kedutaan Bangladesh di Malaysia untuk maklumat lanjut.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>

BIL	PENGGUNA	ADUAN/PERTANYAN/CADANGAN	MAKLUM BALAS/TINDAKAN
2.	Faiezah Noor Adam	<p>Salam Sejahtera.</p> <p>Tuan,</p> <p>Saya mewakili Persatuan Penduduk Desa Saujana Langat (PPM-025-10-10042015), saya ingin mendapatkan kepastian dari Jabatan Penerangan sekiranya kami boleh memohon pembekalan Jalur Gemilang bagi taman perumahan ini untuk menyemarakkan lagi Kempen Sambutan Hari Kemerdekaan di peringkat taman ini.</p> <p>Mohon maklumbalas dari pihak tuan. Sekiranya perlu, kami akan susuli dengan surat permohonan rasmi dari Persatuan Penduduk taman ini.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>	<p>Salam #SehatiSejiwa,</p> <p>Puan Faiezah,</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan perkhidmatan webmaster Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) untuk aduan/pertanyaan/cadangan puan. Untuk makluman puan, permohonan sumbangan telah dipanjangkan kepada Bahagian Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat, JaPen untuk makluman dan pertimbangan. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah menghubungi bahagian tersebut melalui talian 03-8911 7314.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>

BIL	PENGGUNA	ADUAN/PERTANYAN/CADANGAN	MAKLUM BALAS/TINDAKAN
3.	Sugim Bantagon	<p>Selamat Petang dan Salam Sejahtera,</p> <p>Saya, Sugim bin Bantagon, berasal dari Kampung Kabangawong, Nabawan. Saya merupakan pelajar tahun akhir di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan mengambil program Kajian Komunikasi. Seperti yang dinyatakan di atas, saya akan menjalani latihan industri (praktikal) selama 3 bulan pada bulan Jun ini sebagai syarat untuk bergraduasi. Saya telah menghantar e-mail kepada Jabatan Penerangan Daerah Nabawan untuk memohon menjalani praktikal di tempat tersebut. Pihak mereka memaklumkan saya agar berhubung terus dengan Jabatan Penerangan Kota Kinabalu yang beralamat Wisma Dang Bandang, Jalan Tunku Abdul Rahman, 88612, Kota Kinabalu, Sabah sama ada saya dapat menjalani praktikal di tempat tersebut atau tidak.</p> <p>Kerjasama daripada pihak Tuan/Puan saya dahului dengan ucapan jutaan terima kasih.</p> <p>Sekian, Terima Kasih.</p>	<p>Salam #SehatiSejiwa,</p> <p>Tuan,</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan perkhidmatan webmaster Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) untuk aduan/pertanyaan/cadangan tuan. Jabatan Penerangan Malaysia mengalu-alukan hasrat tuan untuk menjalani latihan amali di Jabatan Penerangan Malaysia.</p> <p>Sehubungan itu, mohon pihak tuan untuk menghantar 'resume' lengkap dan surat pengesahan latihan amali kepada maklumat perhubungan berikut:</p> <p>Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Jabatan Penerangan Malaysia Aras 15, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia No 49, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya Tel : 03-8911 3503 Fax : 03-8911 3501</p> <p>Untuk makluman tuan, dokumen seperti yang dimohon juga boleh diemel kepada <a href="mailto:dorin@inform.gov.my">dorin@inform.gov.my</a> dan <a href="mailto:naim@inform.gov.my">naim@inform.gov.my</a></p> <p>Sebarang pertanyaan lanjut tuan boleh hubungi nombor telefon seperti yang tertera di atas.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>

BIL	PENGGUNA	ADUAN/PERTANYAN/CADANGAN	MAKLUM BALAS/TINDAKAN
4.	Muhammad Bakhit Mahadi	<p>Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,</p> <p>Tuan/Puan,</p> <p>Merujuk kepada perkara tersebut di atas, saya bagi pihak <b>Unit Perhubungan Awam Dan Inovasi, Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri</b> ingin memohon surat atau pekeliling mengenai penggunaan perkataan atau slogan "<b>kemerdekaan kali ke 59</b>" di dalam surat-surat rasmi, kenyataan media dan poster.</p> <p>2. Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>	<p>Salam#SehatiSejiwa</p> <p>Tuan,</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan perkhidmatan webmaster Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) untuk aduan/pertanyaan/cadangan tuan.</p> <p>Untuk makluman, bermula 2015 penggunaan Sambutan Hari Kebangsaan diikuti tahun semasa telah digunakan secara rasmi dalam menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos setiap tahun. Tahun lepas juga merupakan tahun di mana pertama kali sambutan tidak menyebut ulang tahun kali ke berapa sebaliknya hanya dikenali sebagai Hari Kebangsaan 2015.</p> <p>Pengumuman itu dibuat YB Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Komunikasi dan Multimedia (ketika itu) semasa Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2015 di Dataran Merdeka pada 6 Jun 2015. Penggunaan baharu ini bertujuan merapatkan hubungan antara rakyat tanpa mengira samada mereka di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.</p> <p>Dilampirkan pautan liputan akhbar mengenai pertukaran penggunaan slogan sambutan untuk makluman lanjut pihak tuan.</p> <p><a href="http://www.utusan.com.my/berita/nasional/i-sehatisejiwa-i-tema-hari-kebangsaan-2015-1.99939">http://www.utusan.com.my/berita/nasional/i-sehatisejiwa-i-tema-hari-kebangsaan-2015-1.99939</a></p> <p>Sekian, terima kasih.</p>

BIL	PENGGUNA	ADUAN/PERTANYAN/CADANGAN	MAKLUM BALAS/TINDAKAN
5.	Chan Tzun Hei	<p>Tuan,</p> <p>Dengan ini saya memohon jasa baik Jabatan Penerangan bagi membekalkan poster-poster pemimpin negara seperti yang berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) DYMM Agong dan Permaisuri</li> <li>2) Tuan Yang Terutama dan Toh Puan Sabah</li> <li>3) YAB Perdana Menteri</li> <li>4) YAB Ketua Menteri Sabah</li> </ol> <p>Permintaan untuk poster pernah dibuat di peringkat daerah Sandakan namun tiada bekalan yang tersedia. Oleh yang sedemikian, sekiranya mengizinkan, saya memohon agar mendapat 12 set (1 dozen) bagi poster-poster yang disebutkan di atas.</p> <p>Alamat yang perlu dikirirkan adalah seperti yang di bawah</p> <p>Pejabat ADUN N.45 Elopura Lot 1, Blok A, Tingkat 3, Bandar Kim Fung Batu 4, Jalan Utara 90000 Sandakan, Sabah</p> <p>Terima kasih atas perhatian dan saya menunggu maklumbalas positif daripada pihak penerangan.</p> <p>Sekian.</p>	<p>Salam #SehatiSejiwa</p> <p>Tuan/Puan,</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan webmaster Jabatan Penerangan Malaysia bagi pertanyaan/cadangan/aduan tuan/puan. Untuk makluman, pihak kami telah memanjangkan permohonan tuan/puan ke Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka Jabatan Penerangan Malaysia untuk makluman dan tindakan.</p> <p>Sebarang maklumat lanjut bolehlah menghubungi Puan Nasimah Badaruddin, Timbalan Pengarah Cawangan Pusat Sumber dan Fotografi, Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka Jabatan Penerangan Malaysia di talian 03-8911 7411 atau emel <a href="mailto:nasimah@inform.gov.my">nasimah@inform.gov.my</a>.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>

BIL	PENGGUNA	ADUAN / PERTANYAN / CADANGAN	MAKLUM BALAS / TINDAKAN
6.	Faizal Salleh	<p>Merujuk kepada perkara di atas, link ini telah mati. Sila update pautan tersebut.</p> <p><a href="http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/12071-senarai-jabatanagensi-kerajaan-persekutuan.html">http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/12071-senarai-jabatanagensi-kerajaan-persekutuan.html</a></p> <p>dan error di page aduan.</p>	<p>Salam #SehatiSejiwa</p> <p>Tuan,</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan perkhidmatan webmaster Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) untuk aduan/pertanyaan/cadangan tuan. Untuk makluman tuan, pertanyaan tuan telah kami panjangkan kepada Bahagian Teknologi Maklumat, JaPen untuk makluman dan tindakan. Sebarang pertanyaan lanjut tuan bolehlah menghubungi Encik Khairul Nizam Talkili di talian 03-8911 3563 atau emel <a href="mailto:knizam@inform.gov.my">knizam@inform.gov.my</a>.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>
7.	Nurul Ain Ashiqin Samsul	<p>Salam sejahtera, saya Nurul Ain Ashiqin binti Samsul pernah menyertai Pertandingan Kuiz ASEAN secara online pada bulan April 2016, tetapi tidak dapat print sijil yang telah diberikan secara link. Apabila saya mengklik link tersebut, banyak perkataan yang keluar dan didapati nama saya berada diantara perkataan-perkataan tersebut. Bagaimana saya boleh dapat memprint sijil penyertaan saya?</p>	<p>Salam #SehatiSejiwa</p> <p>Cik Nurul,</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan perkhidmatan webmaster Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) untuk aduan/pertanyaan/cadangan cik. Untuk makluman, pertanyaan cik telah kami panjangkan kepada Cawangan Perhubungan Antarabangsa, JaPen untuk makluman dan tindakan. Sebarang pertanyaan lanjut cik bolehlah menghubungi Puan Sharifah Anita Wafa bt Syed Munir Wafa di talian 03-8911 4947 atau emel <a href="mailto:sharifahanita@inform.gov.my">sharifahanita@inform.gov.my</a>.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>

BIL	PENGGUNA	ADUAN/PERTANYAN/CADANGAN	MAKLUM BALAS /TINDAKAN
8.	Johan Arief Jaafar	<p>Kepada : Bahagian Penerbitan Dasar Negara Jabatan Penerangan Malaysia Kementerian Komunikasi dan Multimedia</p> <p>Tuan/Puan</p> <p>Merujuk kepada perkara di atas, Kedutaan Malaysia di Lao PDR ini akan menganjurkan satu acara rasmi pada 5 Oktober 2016.</p> <p>2. Sehubungan itu, sukacita sekiranya Kedutaan ini dapat memohon sesalinan Video Lagu Negaraku untuk tujuan di atas.</p> <p>3. Kerjasama pihak Tuan/Puan mengenai perkara di atas adalah amat dihargai.</p> <p>Terima kasih.</p>	<p>Salam #SehatiSejiwa</p> <p>Tuan Johan Arief Jaafar,</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan webmaster bagi aduan/pertanyaan/cadangan tuan. Untuk makluman, Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia tidak bertanggungjawab dalam penghasilan Video Klip Lagu Negaraku seperti yang dimohon.</p> <p>Bagi tujuan salinan Video Klip Lagu Negaraku, permohonan tersebut boleh dipanjangkan melalui Bahagian Perhubungan Raya, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) untuk makluman dan tindakan.</p> <p>Tuan bolehlah menghubungi Haji Sallehuddin Ramlan, Penolong Pengarah Bahagian Perhubungan Raya Jabatan Penyiaran Malaysia di talian +603-2288 8353 atau emel <a href="mailto:sallehuddin@rtm.gov.my">sallehuddin@rtm.gov.my</a>.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>

BIL	PENGGUNA	ADUAN / PERTANYAN / CADANGAN	MAKLUM BALAS / TINDAKAN
9.	Adetangkak	<p>Assalamualaikum</p> <p>APIKASI MY RAJA</p> <p>Cadangan perbaiki di aplikasi MyRaja di mana iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Untuk gambar seperti gambar Agong dan Permaisuri agar imej tersebut dipembesarkan lagi agar jelas saya ada tengok gambar tu agak jauh dan tak begitu besar, cadangan saya bersaiz 4R.</li> <li>2. Cadangan agar di muatkan gambar 9 negeri sultan dan permaisuri yang terkini dan juga raja, Mahkota Muda serta Tunku Puan Muda.</li> <li>3. Cadangan seterusnya MyRaja agar juga di muatkan dalam portal web.</li> </ol> <p>Akhir kata, agar pihak tuan dapat cadangan dan pembaikan dalam MyRaja yang saya nyatakan.</p> <p>Sekian terima kasih.</p>	<p>Salam #SehatiSejiwa</p> <p>Tuan,</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan perkhidmatan webmaster Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) untuk aduan/cadangan/pertanyaan tuan. Untuk makluman tuan, pihak kami telah memanjangkan cadangan pembaikan Apps MyRaja kepada Bahagian Penerbitan Dasar Negara, JaPen untuk perhatian dan tindakan selanjutnya. Sekiranya tuan mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan hal ini, tuan boleh menghubungi Puan Iza Kasmiza Kasmijan di BPDN di talian 03-8911 4961 atau emel <a href="mailto:izakasmiza@inform.gov.my">izakasmiza@inform.gov.my</a>.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>
10.	Ben Ah Fat	<p>Tuan,</p> <p>Dimaklumkan bahawa :</p> <p>Di halaman Hubungi Kami, sepatutnya <a href="mailto:webmaster@inform.gov.my">webmaster@inform.gov.my</a> dan BUKAN webmaster (at)inform.gov.my</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>	<p>Salam #SehatiSejiwa</p> <p>Encik Beh,</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan perkhidmatan webmaster Jabatan Penerangan Malaysia untuk pertanyaan/cadangan/aduan tuan. Untuk makluman, penggunaan perkataan [at] itu adalah ejaan kepada symbol @ bagi alamat emel webmaster Jabatan Penerangan Malaysia.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>



